

18 NOV 2002

Negara-Bajet (Mahathir)

MALAYSIA KECEWA DISENARAIKAN TERATAS ANCAMAN BAHAYA - DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 18 Nov (Bernama) -- Kerajaan kecewa dengan tindakan sesetengah negara luar yang meletakkan Malaysia di tempat teratas senarai "ancaman bahaya" bagi rakyat mereka yang ingin mengunjungi negara ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata disebabkan tindakan itu terdapat negara yang membatalkan beberapa acara antarabangsa yang dijadual berlangsung di sini.

"Tindakan ini boleh menjejaskan kedatangan pelancong dan kemasukan pelabur asing," katanya dalam perutusan Bajet 2003 yang dibentangkan Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Shafie Mohamed Salleh pada persidangan Dewan Negara hari ini.

Katanya tuduhan tidak berasas yang mengaitkan Malaysia termasuk Barisan Nasional dengan kumpulan Al-Qaeda, merupakan niat jahat pihak tertentu yang mempunyai agenda tersendiri dan sengaja ingin merosakkan imej serta maruah negara.

"Mereka ini tidak senang hati dengan kejayaan, kemakmuran dan keamanan yang kita kecapai selama ini," kata Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan.

Beliau berkata Malaysia mempunyai pendirian tegas dalam membanteras aktiviti pengganas termasuk segera bertindak menyekat pengaruh kumpulan tertentu yang cuba menggugat ketenteraman awam untuk mengguling kerajaan melalui kekerasan dan keganasan.

Di peringkat antarabangsa Malaysia mengambil inisiatif mengadakan forum dan bersepakat memeterai perjanjian bersama dengan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk membanteras kegiatan pengganas, katanya.

Malaysia juga telah bersetuju dengan cadangan Amerika Syarikat untuk menubuhkan Pusat Latihan Serantau Bagi Menentang Keganasan, di negara ini.

Dr Mahathir berkata banyak peristiwa yang menggugat kestabilan persekitaran dunia seperti pengeboman di Bali, Filipina dan Pakistan sebelum itu serta krisis tebusan oleh pejuang pemisah Chechen di Moscow.

Kemungkinan berlakunya serangan Amerika Syarikat (AS) terhadap Iraq juga boleh menimbulkan kesan buruk bukan sahaja terhadap ekonomi, malah meningkatkan ketegangan antara masyarakat Islam dengan bukan Islam di negara-negara terlibat termasuk Malaysia, katanya.

Persekitaran luar yang tidak menentu ini mempengaruhi pertumbuhan ekonomi dunia yang dijangka hanya berkembang pada kadar 2.8 peratus bagi tahun ini berbanding 2.2 peratus tahun lepas.

"Sebagai sebuah negara yang mengamalkan ekonomi terbuka, Malaysia juga tidak terkecuali menerima kesan daripada perkembangan luar," kata Perdana Menteri.

Bagaimanapun dengan langkah-langkah kerajaan yang telah dilaksanakan, pemulihan ekonomi negara dijangka semakin kukuh dengan peningkatan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tahun ini daripada 1.1 peratus pada suku pertama kepada 3.8 peratus pada suku kedua dan dijangka semakin mantap pada suku ketiga, katanya.

Dr Mahathir turut menyampaikan sanjungan kerajaan kepada semua rakyat yang sentiasa memberi sokongan padu dengan menyokong kerajaan serta pekerja sektor swasta yang bertungkus lumus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

"Saya percaya dengan keredhaan Allah, kita mampu membentuk Malaysia sebagai sebuah negara yang progresif, aman dan makmur serta bermaruah, bebas dan dihormati oleh masyarakat antarabangsa, Insya Allah," katanya.

-- BERNAMA

LIB RZS RON